

U GB 05-06 00191 BH405

BAH

MAHATHIR KATA ILO PERLU LINDUNGI KEPENTINGAN NEGARA MEMBANGUN

Mahathir - ILO

I

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) perlu menjalani perubahan untuk melindungi kepentingan negara-negara membangun seperti Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu untuk memastikan negara-negara anggota memperoleh manfaat daripada bergabung dengan pertubuhan antarabangsa itu khususnya negara-negara membangun.

ILO kini dikuasai negara-negara maju, yang memperalatkan pertubuhan itu untuk faedah mereka sendiri, jelasnya.

+Sekiranya ILO tidak memberi sebarang faedah kepada kita maka apakah gunanya kita bergabung dengannya,+ kata Dr Mahathir kepada pemberita di kediamannya di sini selepas meraikan para pemain dan pegawai skuad Badminton Piala Thomas negara dalam satu Jamuan Teh.

+Saya bersetuju dengan pendirian (Menteri Sumber Manusia) Datuk Lim Ah Lek,+ katanya.

Lim, dalam ucapannya semalam pada persidangan ILO yang sedang berjalan di Geneva menggesa pertubuhan antarabangsa itu dirombak untuk memberi lebih suara kepada negara membangun ke atas dasar-dasar dan amalannya.

Lim juga menggesa agar dikaji semula peraturan dan dasar yang telah diluluskan pada beberapa persidangan ILO untuk memastikan kesesuaiannya. --
Lagi.

▼05/06/20-13MST

U GB 05-06 00148 BH406

BAH

Mahathir - ILO 2 Kuala Lumpur

Oleh kerana penguasaan oleh negara-negara maju, ILO tidak memahami langsung keadaan di negara-negara yang miskin, kata Dr Mahathir.

Negara-negara maju berusaha agar gaji para pekerja di Malaysia dan beberapa negara membangun lain dinaikkan untuk menaikkan kos pengeluaran barangan tempatan dan dengan itu mengakibatkan barangan tempatan menjadi kurang berdaya saing.

Apabila ditanya sama ada Malaysia akan menimbang untuk menarik diri dari ILO, Dr Mahathir berkata, sekiranya Malaysia berbuat demikian, negara-negara maju akan terus mengenakan tekanan ke atas Malaysia termasuklah menghasut negara-negara lain untuk memboikot barangan negara ini.

Katanya: +Mereka akan terus mengenakan tekanan ke atas kita semata-mata kerana mereka tidak bersetuju dengan apa yang sedang kita usahakan untuk Malaysia.+

+Sama ada kita menarik diri atau tidak, ia tidak penting. Bagaimanapun kita bimbang terhadap kesan yang akan menimpa para pekerja,+ tambahnya. --
Lagi.

▼05/06/20-29MST

CNS0390

U GB 05-06 00150 BH412

BAH

Mahathir - ILO 3 Kuala Lumpur

+Saya ingin menjelaskan bahawa sebagai sebuah negara membangun, satu-satunya kelebihan yang ada pada kita ialah kos tenaga buruh yang lebih rendah. Bukan tenaga buruh yang murah tetapi kos tenaga kerja yang lebih rendah.

+Kita tidak mempunyai kepakaran, pengetahuan tentang pasaran, pengetahuan teknologi dan modal...kini mereka (negara-negara maju) mahu memastikan bahawa kelebihan kita yang satu itupun tidak kita miliki agar kita tidak boleh menjadi sebuah negara perindustrian,+ jelasnya.

Dalam konteks ini, Dr Mahathir menyatakan kesalnya terhadap para pemimpin Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) kerana tidak dapat memahami taktik negara-negara maju yang hanya mengutamakan kepentingan mereka sendiri..

+Para pemimpin dalam MTUC hanya mementingkan untuk menjadi para pemimpin kesatuan dan memiliki kuasa seorang pemimpin kesatuan.

+Mereka tidak mepedulikan sama ada rakyat mempunyai pekerjaan atau tidak. Itulah sebabnya mengapa mereka memihak kepada pertubuhan antarabangsa,+ katanya. -- Lagi.

▼05/06/21-17MST

CNS0396

U GB 05-06 00148 BH413

BAH

Mahathir - ILO 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Tidak seperti kerajaan yang telah berusaha keras untuk mengadakan pekerjaan untuk rakyat, MTUC gagal memberi sebarang sumbangan.

Katanya: +Para pemimpin MTUC tidak membuat apa-apa, tidak apa satupun usaha untuk mengadakan pekerjaan.

+Apa yang mereka utamakan ialah sebaik sahaja seseorang itu mendapat pekerjaan mereka mahu para pekerja tersebut menjadi anggota. Bagaimanapun, kami (kerajaan) mengambil berat tentang nasib para pekerja,+ katanya.

Pada persidangan ILO itu, MTUC mahu ILO memaksa kerajaan Malaysia membenarkan penubuhan sebuah kesatuan kebangsaan untuk 120,000 orang pekerja elektronik.

Kongres itu juga sekian lama telah mempengaruhi beberapa pertubuhan antarabangsa agar mengenakan tekanan ke atas Malaysia atas dakwaan bahawa Malaysia gagal mematuhi standard perburuhan antarabangsa.

Mengenai Persidangan Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Dr Mahathir berkata, ucapannya akan menekankan tentang perlunya setiap negara berkongsi tanggungjawab untuk menyelamatkan bumi. -- Bernama.

▼05/06/21-27MST